

21 OCT 2002

Chong-Inggeris/I

LDP PULANGKAN KEPADA KERAJAAN PUTUSKAN ISU BAHASA INGGERIS

KOTA KINABALU, 21 Okt (Bernama) -- Parti Liberal Demokratik (LDP), sebuah parti komponen Barisan Nasional (BN) yang berasaskan kaum Cina di Sabah, memulangkan kepada kebijaksanaan kabinet kerajaan persekutuan untuk memutuskan cadangan mengajar mata pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris di semua sekolah rendah mulai tahun depan.

Presiden parti itu, Datuk Chong Kah Kiat berkata parti itu tidak mahu turut serta memberi pendapat mengenai isu itu kerana yakin bahawa kabinet akan memutuskan apa yang terbaik untuk rakyat.

"Saya sudah nyatakan sebelum ini bahawa kita memulangkannya kepada kebijaksanaan kabinet persekutuan. Kami yakin kabinet persekutuan mempunyai kedudukan untuk memutuskan apa yang baik untuk negara," kata Ketua Menteri itu kepada pemberita selepas melancarkan operasi AirAsia di Terminal Dua Lapangan terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini hari ini.

Chong yang juga pengerusi BN Sabah berkata demikian ketika diminta mengulas pendirian LDP mengenai cadangan itu berikutan laporan berita semalam yang menyebut bahawa MCA sebulat suara menolak cadangan berkenaan.

"Kami yakin bahawa pada akhirnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mendengar pandangan semua pihak, ia akan dibincangkan pada mesyuarat kabinet persekutuan dan keputusan akan dibuat... kami menghormati keputusan itu," katanya.

Chong turut ditanya mengenai kempen tandatangan yang dilancarkan oleh calon DAP yang tewas pada pilihan raya kecil Parlimen Gaya baru-baru ini, Hiew King Cheu, yang menggesa penyingkiran Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) Datuk Abdul Ghani Abdul Rashid.

Chong berkata: "Mereka (DAP) mahu menunjukkan kepada rakyat bahawa mereka masih di sini dan bekerja... untuk mengekalkan kewujudan, bahawa mereka masih di sini."

Tidak ada sebab untuk menggantikan Datuk Bandar kerana beliau telah menjalankan tugas dengan baik, kata Chong.

"Jawatan Datuk Bandar bukan tugas yang mudah. Ia perlukan keberanian untuk melaksanakan sesuatu dan saya rasa lelaki inilah yang mempunyai keberanian untuk menjalankan apa yang beliau rasakan baik untuk bandar raya ini," kata Chong.

Mengenai cadangan DAP supaya Datuk Bandar dilantik melalui pilihan raya, Chong berkata: "Marilah kita tunggu masanya, bukan sahaja di DBKK, malah di tempat lain, dilakukan menerusi pilihan raya. Apabila ia sesuai untuk pihak berkuasa, kita akan laksanakannya, tetapi bukan sekarang.

-- BERNAMA

JS LAT